

Mahathir kesal ada siswa kempen lawan

BH 190601974

KUALA TRENGGANU, Ahad. — Dr. Mahathir Mohamed, seorang anggota Majlis Tertinggi UMNO Malaysia, menyesali sikap golongan mahasiswa yang turut berkempen bagi calon-calon parti lawan dan bebas menentang calon Barisan Nasional.

Katanya, mereka seharusnya berada di kampus menumpu tenaga dan masa kepada pelajaran.

Berucap di majlis perjumpaan dengan pe-

nyokong-penyokong Barisan Nasional di rancangan LKTP Bukit Bading dan rapat umum di Peroh, 30 batu dari sini malam tadi beliau bagaimanapun berkata, "mereka tidak dilarang berpolitik, tetapi hanya boleh berpolitik di kampus saja."

Bellau yang menang tanpa bertanding di kawasan Parlimen Kubang Pasu, Kedah berkata, Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit setahun untuk mereka.

"Mereka sepatutnya berterimakasih kepada Kerajaan kerana memberi peluang demikian," katanya.

Dr. Mahathir lalu mengingatkan rakyat terutama para peserta rancangan LKTP jangan mudah terpengaruh dengan golongan mahasiswa ini terutama yang berkempen untuk Partai Sosialis Rakyat.

Bellau berharap mereka dapat benar-benar memahami konsep Barisan Nasional demi kepentingan perpaduan dan keadilan.

Katanya, konsep saintifik sosialisma yang diperjuangkan oleh Partai Rakyat tidak dapat diterima oleh rakyat negara ini.

"Parti itu hanya pandal memutarbelitkan 'issue' yang hangat tetapi tidak mempunyai asas yang kukuh untuk membuat penyelesaian," katanya.